



Pemikiran Mahathir Mohamad

Kesinambungan Gelombang Keintelektualisme
Melayu Global dari Munshi Abdullah dan Za'ba

MOHD. YUSOF HASAN

Pemikiran Mahathir Mohamad

Kesinambungan Gelombang Keintelektualisme
Melayu Global dari Munshi Abdullah dan Za'ba

MOHD. YUSOF HASAN

Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)

Universiti Teknologi MARA • SHAH ALAM • 2008

© Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM 2008

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
e-mel: upena@salam.uitm.edu.my

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mohd. Yusof Hasan

Pemikiran Mahathir Mohamad: kesinambungan gelombang keintelektualisme Melayu global dari Munshi Abdullah dan Za'ba / Mohd. Yusof Hasan

Mengandungi indeks

Bibliografi: ms. 503

ISBN 978-967-305-118-2

1. Mahathir Mohamad, Tun, 1925 ---Political and social views. 2. Malaysia --Politics and government. I. Judul.
959.5054

Reka bentuk kulit : Azzuren Mazlah (Gambar Munshi Abdullah ehsan dari Perpustakaan Negara Malaysia)

Diatur huruf oleh : Rusni Nordin

Rupa taip teks : Times

Saiz taip teks : 11/12

Dicetak di Malaysia oleh : Visual Print Sdn. Bhd.
A-1-7A, No. 2, Jalan 12/144A
Taman Bukit Cheras
56000 Kuala Lumpur

KANDUNGAN

Pekata	xi
Penghargaan	xv

BAB 1

Pemikiran dan Keintelektualisme Abdullah, Za'ba dan Mahathir	1
Pengenalan	1
Sumber Teori Pemikiran	2
Sejarah Melayu Moden	3
Zaman Globalisasi dan Cabarannya	5
Pendidikan, Pemikiran dan Keintelektualisme	6
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	10
Teori Pendidikan Pemikiran Bersepadu	13
Teori Pendidikan Etika Bersepadu	26
Keintelektualisme Abdullah, Za'ba dan Mahathir	33
Kesimpulan	43

BAB 2

Pemikiran Munshi Abdullah Berkaitan Sosiobudaya Melayu-Islam	47
Pengenalan	47
Karya Kisah Pelayaran Abdullah	49
Buku Hikayat Abdullah	67
Kesimpulan	93

BAB 3	
Penulisan Tentang Pemikiran Za'ba	95
Pendahuluan	95
Buku <i>Za'ba dan Melayu</i>	96
Buku <i>Memoir Za'ba</i>	105
Buku <i>100 Tahun Za'ba: Za'ba: Pejuang Bangsa</i>	117
Buku <i>Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba</i>	120
Za'ba Sebagai Pemikir Wawasan Sains dan Teknologi	129
Kesimpulan	138
BAB 4	
Pemikiran Za'ba Berkaitan Kedaifan Melayu-Islam	139
Pengenalan	139
Karya Tentang Kemiskinan	139
Jalan Penyelesaiannya	151
Analisis Ungku A. Aziz	158
Teori Kemiskinan	163
Kesan Kemiskinan Bangsa Melayu	166
Kesimpulan	168
BAB 5	
Penulisan Tentang Pemikiran Mahathir Mohamad	171
Pengenalan	171
Buku-Buku Tahun 1980-an	172
Buku-Buku Tahun 1990-an	178
Buku-Buku Tahun 2000-an	184
Pengulas Luar Negara	202
Kesimpulan	212
BAB 6	
Pemikiran Mahathir Tentang Politik, Sains dan Sosioekonomi Malaysia	215
Pengenalan	215
Pemikiran Kerjasama Wilayah dan Ekonomi Digital Dunia	215
Kebangkitan Politik Jepun dan Asia	223
Pemikiran Sosioekonomi Malaysia	230
Pengurusan Ekonomi dan Pentadbiran Malaysia	235
Kehebatan Tamadun Sains dan Teknologi	248

Ketokohan Mahathir Sebagai Pencetus Tamadun	261
Kesimpulan	269
BAB 7	
Pemikiran Mahathir Berkaitan Isu-Isu Global	271
Pengenalan	271
Isu-Isu Krisis Mata Wang dan Negara-Negara Berkecuali	271
Globalisasi: Untung dan Ruginya	283
Konfrontasi Timur-Barat	289
Islam dan Hak-Hak Asasi Manusia	297
Ramalan Kebangkitan Asia	305
Kesimpulan	315
BAB 8	
Pemikiran Mahathir Berkaitan <i>Terrorism</i>, Antiperang dan Keamanan	317
Pengenalan	317
<i>Terrorism</i> : Sebab-Sebab dan Penyelesaian	317
Sikap Antiperang Mahathir	346
Seruan Keamanan Mahathir	355
Jalan-Jalan Ke Arah Keamanan	362
Kesimpulan	377
BAB 9	
Pemikiran Mahathir Tentang Nasionalisme Melayu-Islam	379
Pengenalan	379
Tahun-Tahun Awal Perjuangan	379
Dilema Melayu: Tak Kan Melayu Hilang Di Dunia?	383
Melayu: Cabaran Demi Cabaran	409
UMNO, Melayu dan Islam	425
Melayu Memang Mudah Lupa	435
Kesimpulan	446
BAB 10	
Kesimpulan: Kesenambungan Gelombang Keintelektualisme Melayu Global Munshi Abdullah, Za'ba dan Mahathir Mohamad	447
Pengenalan	447
Keintelektualisme Global Munshi Abdullah	448

Keintelektualisme Global Za'ba	452
Keperdanaan Pemikiran Global Mahathir	458
Kaedah Pengisian Keintelektualisme	465
Keintelektualisme dan Minda Melayu	466
Teori Penerapan Pemikiran 4K dan Etika 4K	470
Kepimpinan dan Kegemilangan Peradaban Melayu Global	472
Konflik Kepimpinan dan Keintelektualisme Melayu	480
Kesimpulan: Kesenambungan Mata Rantai Gelombang Keintelektualisme Melayu Global Abdullah – Za'ba – Mahathir	485
<i>Bibliografi</i>	503
<i>Indeks</i>	513

*Hajah Wan Pah Wan Ahmad
&
Datin Hajah Fatimah Haji Saad*

PRAKATA

Buku *Pemikiran Mahathir Mohamad: Kesenambungan Gelombang Keintelektualisme Melayu Global* dari Munshi Abdullah dan Za'ba ini cuba menyelusuri dan melestari pemikiran tiga tokoh Melayu global yang berkesinambungan dari abad ke-19 hingga abad ke-21. Ketiga-tiga tokoh ini memperlihatkan satu fenomena yang sangat ketara dalam sejarah kehidupan orang Melayu iaitu: persoalan nasionalisme Melayu-Islam yang berkaitan dengan kemiskinan, satu masalah global yang serius. Perjuangan atau keintelektualisme mereka bertiga dapat dilihat dari sudut cara mereka membentangkan masalah-masalah kemiskinan dan cara-cara penyelesaian melalui ilmu pengetahuan. Perkara ini nampak amat signifikan dalam hasil karya mereka masing-masing, di samping karya-karya mereka yang lain.

Dalam sejarah masyarakat Melayu, ternampak jelas penonjolan kelahiran ketiga-tiga tokoh ini, di samping tokoh-tokoh yang lain. Kemunculan mereka secara jelas pada jangka waktu yang berselang selama 70 tahun menarik perhatian untuk dibicarakan. Hal ini berlaku seolah-olah bangsa Melayu dianugerahkan tiga gelombang tokoh-tokoh pemikirnya pada zaman-zaman yang berasingan. Tahun-tahun kemuncak ketokohan mereka ialah seperti tahun 1850, kemunculan Munshi Abdullah sebagai gelombang pertama; tahun 1920, kehadiran Za'ba sebagai gelombang kedua; dan tahun 1990, keperdanaan Mahathir sebagai gelombang ketiga, di samping tokoh-tokoh lain yang diibaratkan sebagai ombak-ombak di antara tiga gelombang besar yang dimaksudkan itu.

Buku ini terbahagi kepada 10 bab yang membicarakan pengenalan dan perkembangan pemikiran tiga tokoh; Munshi Abdullah, Za'ba dan Mahathir Mohamad, dan diikuti dengan kesimpulannya. Bab 1

memperkenalkan konsep-konsep pendidikan, pemikiran, etika, keintelektualisme dan kemunculan ketiga-tiga tokoh berkenaan. Dalam bab ini dibentangkan teori-teori pemikiran dan etika, keintelektualisme dan biografi ringkas tokoh-tokoh pemikir berkenaan.

Bab 2 mula membincangkan ketokohan Munshi Abdullah dan karya-karya utamanya: *Kisah Pelayaran Abdullah* dan *Hikayat Abdullah*. Daripada dua buah buku ini, terdapat perbincangan tentang kemiskinan orang Melayu di Pahang, Terengganu, Kelantan, Melaka dan Singapura pada abad ke-19. Melalui karya-karya itu, Abdullah memperlihatkan keintelektualisme dengan membentangkan masalah kemiskinan, sebab-sebab dan cara penyelesaiannya.

Bab 3 adalah khusus tentang beberapa penulisan atau buku-buku mengenai ketokohan Za'ba. Daripada sumber-sumber itu, terdapat kegiatan tokoh dalam bidang-bidang Bahasa, Kesusasteraan, Keagamaan, Sains dan Teknologi, Sosiobudaya dan Ekonomi. Za'ba memperlihatkan keintelektualisme tentang kemiskinan Melayu, sebab-sebab dan cara penyelesaiannya dalam Bab 4. Karya-karya yang dibicarakan ialah *The Poverty of the Malays* dan *The Salvation of the Malays*.

Bab 5 hingga Bab 9 lebih banyak dan khusus tentang keintelektualisme Mahathir Mohamad dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat Melayu dan Malaysia kerana beliau pernah menjadi doktor, menjadi wakil rakyat, menteri, timbalan perdana menteri dan perdana menteri selama lebih daripada 60 tahun iaitu dari tahun 1946 hingga kini. Bab 5 adalah perbincangan berkenaan dengan beberapa penulisan atau buku tentang ketokohan dan kewibawaan Mahathir. Bab 6 adalah berkenaan penulisan atau karya Mahathir tentang bidang sosioekonomi, dibincangkan tentang Mahathir dan bidang sains dan teknologi, satu bidang yang amat dekat dengan hatinya.

Bab 7 membicarakan tentang Mahathir Mohamad yang menulis dan berucap mengenai isu-isu global seperti hubungan antarabangsa, politik global dan peranan badan-badan seperti ASEAN, NAM, OIC dan lain-lain lagi. Bab 8 pula terus membicarakan pandangan Mahathir tentang hal-hal dunia antarabangsa seperti kemunculan dan sebab musabab terorisme, sikap dan sifat antiperang dan perjuangan keamanannya.

Bab 9 adalah mengenai Mahathir yang terus-menerus membincangkan masalah kemiskinan masyarakat Melayu dan Malaysia seperti yang dilakukan oleh Munshi Abdullah dalam Bab 2 dan oleh Za'ba dalam Bab 4. Dalam bab ini, dibincangkan penulisan Mahathir yang bertajuk: *The Malay Dilemma*, *The Challenge* dan *Malays Forget Easily*. Dalam karya-karya ini, Mahathir memperlihatkan keintelektualisme tentang kemiskinan, sebab-sebab dan cara-cara menanganinya.

Bab terakhir, Bab 10 adalah merupakan kesimpulan kepada keseluruhan kandungan sembilan bab yang telah dibicarakan. Bab ini menampilkan beberapa persamaan keintelektualisme antara ketiga-tiga tokoh: Munshi Abdullah, Za'ba dan Mahathir. Bab ini dapat menunjukkan betapa ketiga-tiga tokoh memperlihatkan isu-isu global seperti kemiskinan rakyat dan persamaan cara-cara penyelesaiannya iaitu mencari dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan sebagai alat atau agensi perubahan. Keintelektualisme mereka telah memperlihatkan ciri-ciri pembinaan ketamadunan Melayu dan keutuhan minda Melayu berdasarkan teori-teori pemikiran dan etika dalam era globalisasi yang penuh cabaran ini.

Dari segi persembahan dan penyampaian, keseluruhan penyelidikan ini tidak menggunakan nota kaki untuk memudahkan pembaca. Kajian ini bermatlamat supaya pembaca daripada peringkat sekolah menengah hingga ke institusi pengajian tinggi dan dari seluruh lapisan pembaca awam ke pembaca taraf profesional, pemimpin dan akademik menyedari, memahami dan menghayati keseluruhan kajian dengan baik dan berkesan.

Sebagai alternatif kepada nota kaki, maka pengkaji memberikan petikan-petikan yang panjang dan jelas terhadap sesuatu persepsi, idea dan pandangan pengarangnya. Petikan-petikan yang panjang ini diambil daripada rujukan dan bibliografi yang mantap dan diharap dapat memperkasa dan menyempurnakan hasil sesebuah penyelidikan seperti ini.

Mohd. Yusof Hasan
Pusat Pendidikan Global Aminuddin Baki
Universiti Pendidikan Sultan Idris

25 Julai 2007



Mohd. Yusof Hasan yang berasal Hosba, Jitra, Kubang Pasu, Kedah menceburkan diri dalam bidang pendidikan selama lebih 40 tahun sebagai guru di sekolah, tutor, pensyarah, profesor madya dan profesor di Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Brunei Darussalam, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Beliau juga terlibat dalam bidang perundingan dan penilaian Kesusasteraan dan Pemikiran bagi Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Teknologi Petronas, Universiti Teknologi MARA, Open University Malaysia dan Australian National University.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Universiti Malaya), Sarjana (Universiti Sains Malaysia) dan Ph.D (Australian National University). Beliau mengendalikan kuliah dan penyelidikan dalam bidang-bidang Kesusasteraan, Pemikiran, Epistemologi, Etika Pengurusan dan Komunikasi. Beliau menghasilkan 100 artikel dan 300 kertas kerja serta ceramah kepada badan-badan kerajaan, berkanun dan swasta.

Buku-buku yang telah dihasilkan seperti: *Novels of the Troubled Years* (1989), Pengenalan Fiksyen Dunia (1990), Dunia Melayu (1990), Tiga Dunia (penyusun – 1990), Pengabdian (penyusun – 1990), Kaedah Pengajaran di Universiti (1992), Takah Demi Takah (penyusun – 1994), Penghayatan Fiksyen Melayu (1995), Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad (1995), Koleksi Terpilih Shahnnon Ahmad (1995), Novel Negara Brunei Darussalam 1940-1992: Suatu Analisis Kritis Instrinsik-Ekstrinsik (1998), Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (2000), Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradaban Melayu (2003), Pemikiran Global Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad (2006), Teori Pendidikan Pemikiran Global (2007).

Atas jasa-jasanya, beliau telah dianugerahkan Tokoh Guru Kedah darjah-darjah BKM, AMK dan DSDK oleh Kerajaan Negeri Kedah dan AMN oleh Kerajaan Malaysia.

Kini Dato' Prof. Dr. Mohd. Yusof Hasan adalah felo penyelidik Pusat Pendidikan Global Aminuddin Baki, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim; felo penyelidik Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya; dan pernah menjadi Karyawan Tamu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Buku ini adalah hasil penyelidikannya di bawah Anugerah Penyelidikan Yayasan Kepimpinan Perdana.